



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/05/39 (HQ)

### BINGKISAN RAYA UNTUK WARGA KERJA TNB YANG BERTUGAS 1 SYAWAL

- 10,260 bingkisan raya untuk anggota kerja di Semenanjung dan Sabah

Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan tradisi membekalkan bingkisan raya kepada warga kerjanya yang bertugas pada raya pertama Aidilfitri nanti dengan mengagihkan 10,260 bingkisan berbanding 9,300 pada tahun lalu.

Majlis pengagihan bingkisan disempurnakan Pengerusi TNB, Dato' Seri Mahdzir Khalid dalam satu majlis sederhana di Kompleks Balai Islam An-Nur TNB Ibu Pejabat TNB hari ini.

Turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan isteri, merangkap Yang Dipertua Persatuan Wanita (PELITAWANIS) TNB Kebangsaan, Datin Seri Aidah Abu; isteri Pengerusi TNB, Datin Seri Noraini Abdullah selaku Penaung PELITAWANIS TNB serta barisan Pengurusan Tertinggi TNB.

Menurut Datuk Seri Amir, tradisi sejak tahun 2005 ini adalah “secebis penghargaan kepada warga kerja kami yang dijadualkan bertugas ketika ramai sedang bersama keluarga masing-masing merayakan hari lebaran.”

Tambahnya, terdapat warga kerja TNB yang terpaksa berjauhan dan tidak dapat pulang ke pangkuan keluarga masing-masing sejak Perintah Kawalan Pergerakan bermula kerana “sebahagian besar barisan hadapan kami bertugas menunggu sedia di lokasi-lokasi kritikal seperti hospital dan stesen-stesen janaelektrik.”

Menyifatkan warga kerja yang bertugas sebagai wira yang memastikan operasi TNB kekal lancar sepanjang Aidilfitri, Amir berkata peranan mereka dalam memastikan TNB dapat terus membekalkan elektrik sepanjang Syawal kali ini semakin penting disebabkan negara masih belum bebas daripada pandemik COVID-19.

Datin Seri Aidah pula menjelaskan peningkatan jumlah bingkisan tahun ini disebabkan pengagihan kepada anggota kerja anak syarikat TNB, Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB), berbanding hanya untuk warga kerja TNB di Semenanjung sebelum ini.

Katanya, berikutan PKP, hanya 11 anggota PELITAWANIS yang terdiri daripada warga kerja wanita atau isteri warga kerja TNB membungkus bingkisan raya tersebut sejak 24 April lalu.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 Mei 2020, jam 3:30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /*

*Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524*

*atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

**Caption:**



Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Dato' Seri Mahdzir Khalid (baris paling belakang, berbaju coklat, dua dari kanan) dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (baris paling belakang, dua dari kiri) bersama-sama barisan pengurusan tertinggi TNB dan jawatankuasa Persatuan Wanita TNB (PELITAWANIS) menunjukkan bingkisan kuih raya di majlis pengagihan di Kompleks Balai Islam An-Nur TNB Ibu Pejabat TNB hari ini. Sejumlah 10,260 bingkisan diagihkan kepada anggota kerja di Semenanjung dan Sabah yang akan bertugas pada 1 Syawal.



Penaung Persatuan Wanita (PELITAWANIS) TNB, Datin Seri Noraini Abdullah (tengah, berbaju kurung hijau) dan ahli-ahli persatuan bersama himpunan bingkisan kuih raya di Majlis Penyerahan Sumbangan Bingkisan Raya di Kompleks Balai Islam An-Nur TNB Ibu Pejabat TNB hari ini. Turut hadir Yang Dipertua PELITAWANIS TNB, Datin Seri Aidah Abu (baris hadapan, empat dari kanan).